

BIL. 51 OKT 2019

CREATE

e-newsletter

UMP kekal terbaik dalam Pengurusan Kewangan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan terus mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik untuk kewangan.

Selain itu, budaya membetulkan (kelemahan) yang biasa dan membiasakan (amalan) yang betul dalam pengurusan kewangan Jabatan Bendahari kepada lebih berkualiti, berintegriti dan berinovasi tinggi yang mesra pelanggan.

Usaha ini dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapannya warga kerja UMP untuk terus ber-

berdasarkan bidang tugas dan tanggungjawab di jabatan masing-masing.

UMP dianugerahkan penarafan 5 bintang dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Kewangan (Indeks Akauntabiliti IA) yang dijalankan setiap dua tahun oleh Jabatan Audit Negara.

Pengauditan ini bertujuan untuk memudahkan pengukuran kualiti secara objektif bagi pengurusan kewangan awam sebagai Badan Berkanun Persekutuan.

Ita juga adalah selaras dengan teras RMK-9 sebagai mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam.

Hadir menyampaikan sijil kepada Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff ialah Perdana Menteri pada 10 Oktober 2019 yang lalu di Dewan Bankuet, Canseleri Tun Abdul Razak, UMP Pekan.

Turut hadir Timbalan Pengarah Audit Negeri Pahang, Azura Wani Amir Rashid, Timbalan Naib Canselor (Kewangan), Zuhairi Zamli dan Ketua Pegawai Kewangan merangkap Bendahari UMP, Zainuddin Othman.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, bintang atau penarafan (*Rating*) IA ini diberi berdasarkan kepadatan berhubung dengan kawalan terhadap pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, pengurusan kumpulan deposit serta aset, inventori dan stor.

“Dalam usaha mengekalkan prestasi pencapaian 5 bintang untuk pengauditan ini, UMP sentiasa membuat kerja kawalan yang disenaraikan dipatuhi.

“Selain itu juga, UMP mengadakan bengkel kepada staf bagi memastikan UMP sentiasa mengguna pakai peralatan dan teknologi yang moden.

“Selain itu, keupayaan untuk menjana kecemerlangan berdasarkan prestasi konsisten dan nilai murni merupakan faktor penting dalam pencapaian 5 bintang ini. UMP berusaha mencapai ini melalui pelan strategik UMP 2021-2025 yang akan direka bentuk pada akhir tahun ini.

iMEC-APCOMS 2019 platform terbaik bidang Kejuruteraan Petronas

Oleh: DR. NURRINA ROSLI DAN NADIRA HANA AB HAMID, FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN P

Seramai 100 peserta dari dalam dan luar negara terutamanya dari Indonesia, Bangladesh dan India telah mereka dalam bidang Sistem Pembuatan, Automasi Pembuatan, Bahan dan Proses Pembuatan sepanjang APCOMS 2019 bertemakan '*Intelligent Engineering & Sustainable Development*' bertempat di Hotel Evergreen yang lalu.

Persidangan ini dianjurkan oleh Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik, Universiti Malaysia Pahang, Fakulti Teknologi Industri, Institut Teknologi Bandung (ITB), Indonesia, manakala Universitas Sebelas Maret, Malaysia Melaka (UTeM) sebagai pengajur bersama.

iMEC-APCOMS 2019 pada kali ini merupakan seminar anjuran bersama UMP dan ITB untuk kali ketiga. Majlis perasmian edisi kedua yang dilaksanakan pada tahun 2017 di Jogyakarta.

Penganjuran kali ini, UMP telah menghantar seramai 30 peserta yang terdiri daripada staf dan juga pelajar.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah UMP, Profesor Dato' Ts Dr. Rosli Mohd

Sesi ucap utama pula telah disampaikan oleh Profesor Ir. Dr. Bermawi P. Iskandar dari ITB, Nizmar Mohd dan Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Razlan Yusoff dari UMP.

Turut hadir Panel Penasihat Industri dari MIMOS Berhad, Proton Holdings Berhad dan Triple EEE Sdn. Bhd.

Menurut Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli, persidangan antarabangsa ini dapat mengukuhkan jalinan dan hubungan dengan Indonesia yang sedia terjalin melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani.

"Ini juga merupakan platform yang baik kepada para peserta untuk berinteraksi dan meningkatkan pemahaman

dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan dan Industri," tambahnya lagi.

Antara pembentang kertas kerja adalah Profesor Ir. Dr. Bermawi P. Iskandar dari ITB dengan kertas kerja selepas jualan manakala Nizmar Mohd Nazar membentangkan kertas kerja berkaitan cabaran dan peluang Era Industri 4.0.

Selain itu, Profesor Madya Dr. Ir. Ahmad Razlan turut membentangkan kertas kerja berkaitan dengan perproses permesinan logam.

iMEC-APCOMS 2019 secara langsung telah menyediakan platform kepada para penyelidik, pelajar pasca-sarjana dan ahli akademik untuk bersama membentangkan hasil penyelidikan serta bertukar pandangan dan pendapat dalam bidang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi.

Para peserta persidangan juga turut dibawa melawat ke pameran industri berkaitan Kejuruteraan Pembangunan tempat menarik di sekitar Putrajaya.

Warga kerja UMPH ikrar bebas rasuah

Lebih 300 warga kerja UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) dan kumpulan membabitkan semua peringkat masing-masing sebagai usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam syarikat pada 2 Oktober.

Bacaan ikrar dilafazkan di hadapan Pengurus UMPH, Dato' Sri Mohd. Hilmey Mohd. Taib, Timbalan Persekutuan, Sheikh Hamadi Sheikh Abdul Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif UMPH, Ir. Syed Mohamad Hamzah Al-Jumah, Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin.

Komitmen dan lafaz ini bakal memperkasa nilai dalaman organisasi ini dalam melaksanakan mandat yang malahan memberi mesej kepada masyarakat agar menunaikan tanggungjawab dengan amanah dan tidak termasuk perbuatan rasuah.

Menurut Ir. Syed Mohamad Hamzah Al-Junid, sebagai sebuah organisasi yang mengamalkan gerak kerja membenarkan sebarang perbuatan rasuah dalam apa jua bentuk, sama ada secara langsung atau tidak semua prosedur termasuk yang melibatkan pembekal, pemegang lesen, pelanqqan dan pihak-pihak berkepentingan.

"Setiap warga kerja juga perlu memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Kod Etika yang telah ditetapkan dan boleh diakses oleh seluruh warga kerja serta lain-lain pihak bagi tujuan melaporkan perbuatan rasuah dengan segera dan bertanggungjawab.

"Kita juga akan bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dan boleh diakses oleh seluruh warga kerja serta lain-lain pihak bagi tujuan melaporkan perbuatan rasuah dengan segera dan bertanggungjawab," katanya dalam Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah di Gambang.

Beliau juga turut mengajak semua pihak untuk bersama-sama memupuk dari awal budaya dan nilai korpun dan nadi pergerakan aktiviti UMPH yang merupakan anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Jelas beliau lagi, nilai integriti ini perlu dizahirkan dalam semua tindakan dan amalan sama ada melalui teknologi dan keterampilan dan yang paling utama adalah sikap (*attitude*) warga kerja UMPH dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

"Kami juga akan bekerjasama dengan pihak SPRM dalam meningkatkan saluran aduan yang selamat dan mudah serta lain-lain pihak bagi tujuan melaporkan perbuatan rasuah dengan penuh yakin dan tanpa sebarang takut," ujar beliau.

Dalam pada itu, barisan pengurusan UMP meliputi pegawai utama, dekan, pengarah dan ketua jabatan sejak Oktober 2017 dan UMP merupakan antara agensi terawal di negeri Pahang yang melaksanakan komitmen

Hari Terbuka PPA platform terbaik bimbing pelajar umpt

Hari Terbuka Pusat Pengurusan Akademik Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung di UMP Kampus Gambang pada 4 dan 5 Oktober 2019 yang lalu merupakan platform terbaik buat pelajar untuk mengetahui dan mendapatkan maklumat disediakan untuk memudahkan urusan pengajian sepanjang berada di universiti.

Pengarah Pusat Pengurusan Akademik (PPA), Profesor Madya Mohd Shahrir Mohd Sani berkata, perkhidmatan pengurusan akademik yang berkualiti kepada semua pemegang taruh universiti selaras dengan tujuan universiti.

"Penganjuran program ini signifikan dengan mengambil kira pembaharuan dan perkembangan terkini dalam pengurusan akademik dan menjadikannya sebagai pusat rujukan setempat dalam pengurusan akademik prasiswazah."

"Bertemakan *Togetherness #WeCare* turut menghimpunkan keterlibatan pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan akademik dan menyampaikan maklumat terkini tentang perkembangan akademik dan teknologi dalam pengurusan akademik,"

"Pelajar juga berpeluang mendengar Taklimat Akademik, Klinik Pengiraan GPA/CGPA, Taklimat *Direct Enrollment*, Berita dan Pengacara UMP TV, iaitu sebagai medium dalam menyampaikan hebatan dan perkembangan dalam pengurusan akademik."

Beliau hadir melancarkan Projek Pre Amour (*Preloved*) yang merupakan salah satu program Tan Sri Prof. Dr. Mohd Shahrir yang memfokuskan kepada pelajar UMP yang memerlukan.

Ujarnya lagi, Projek *Pre Amour* ini diinspirasikan daripada Projek 'Gerobok Rezeki' merupakan tempat yang membolehkan pelajar membawa pulang pelbagai barang preloved (terpakai) seperti baju, seluar, tudung, beg, kasut dan sebagainya secara percuma.

"Projek ini juga merupakan kesinambungan program *MyGift* UMP yang giat dijalankan sepanjang tahun khususnya pelajar dan komuniti setempat.

Bagi pelajar Fakulti Pengurusan Industri, Siti Nabirah Amran, 22, program ini banyak memberi manfaat kepada kemudahan dan peranan jabatan yang terdapat di UMP.

Misalnya Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (CIReL) yang pada awalnya beliau sendiri tidak merasai pengajian secara dalam talian melalui inisiatif Kuliah Pembelajaran *Global* (*Global Classroom*).

Turut diadakan perkhidmatan kaunter melibatkan beberapa PTJ seperti Pusat Pemasaran & Kemasukan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Bahagian Kaunseling, Jabatan Bendahari, Institut Pengajian Tinggi, Pusat Teknologi Maklumat dan lain-lain lagi.

Sukarelawan *MyGift* edar nasi lemak secara percuma buat mahasiswa

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Sebanyak 400 bungkus nasi lemak diedar secara percuma yang dijalankan serentak di kedua-dua kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk mendapatkan sarapan pagi secara percuma sebelum memulakan pengajian Oktober 2019 yang lalu.

Seawal jam 8.00 pagi, sukarelawan *MyGift* telah mula mengedarkan nasi lemak secara percuma kepada mahasiswa di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif di Pekan manakala di Gambang diedarkan di Fakulti Pengurusan Industri.

Pegawai *MyGift* UMP, Mohd Jamil Mohd Jaafar berkata, program yang dinamakan *MyNasi Lemak* ini merupakan usaha untuk membantu mahasiswa menggalakkan mahasiswa bersarapan sebelum memulakan pengajian.

"Program ini akan dilaksanakan secara berterusan bermula Oktober ini sehingga Disember tahun ini.

"Mahasiswa menyambut baik inisiatif ini yang dijalankan sebagai usaha membantu mahasiswa mendapatkan sarapan pagi secara percuma.

Dalam pada itu, UMP memperkenalkan program *MyGift* sebagai satu usaha mengumpul sumbangan dan sumbangan endowmen bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar dan membantu golongan yang memerlukan.

Program *MyGift* ini juga diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumni serta mahupun syarikat untuk sama-sama menyumbang kepada tabung endowmen universiti.

UMP turut mengalui-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni dan kakitangan.

ada di dalam mahu pun luar negara dalam menyokong pembudayaan menderma demi memakmurkan ilmu

Orang ramai boleh turut sama menyumbang melalui perbankan internet dengan melayari portal *MyGift* untuk mendapat maklumat lanjut mengenai program ini.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safrizah@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairul Aidilnishah Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya mengga dan sikap Buletin e-CREATE. Karya semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan akan dikembalikan. Sumbangan karya berikan kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safrizah@ump.edu.my

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 62 views

[View PDF](#)

